



PELABUHAN KEMAMAN  
MALAYSIA

Tarikh / Date : 10 Februari 2020  
Fail / File : LPKmn/427-OK/M/04/02 (66)

**LEMBAGA PELABUHAN KEMAMAN**  
Teluk Kalong, Peti Surat 66,  
24000 Kemaman,  
Terengganu Darul Iman, Malaysia.  
Tel : 609-5858000 Faks : 09-5833866  
E-Mel : lpktn@lpktn.gov.my  
Laman Web : [www.lpktn.gov.my](http://www.lpktn.gov.my)

Kepada : Semua Pengguna Pelabuhan  
To : *All Port Users*

**PEKELILING PELABUHAN BIL.02/2020**  
**PORT CIRCULAR NO.02/2020**

**KEMASKINI KESIAPSIAGAAN BAGI MENGHADAPI POTENSI PENULARAN WABAK JANGKITAN 2019 NOVEL CORONAVIRUS (2019-NCOV) DI PELABUHAN KEMAMAN**      **LATEST UPDATE PREPAREDNESS FOR DEALING WITH POTENTIAL TRANSMISSION OF 2019 NOVEL CORONAVIRUS (2019-COV) IN KEMAMAN PORT**

Dilampirkan adalah kemaskini terbaharu langkah-langkah yang perlu diambil oleh pengendali dan pengguna pelabuhan bagi menghadapi potensi penularan wabak jangkitan **2019 NOVEL CORONAVIRUS (2019-NCOV)** di Pelabuhan Kemaman.

*Attached the latest update measures to be taken by the port operator and users in dealing with potential transmission of **2019 NOVEL CORONAVIRUS (2019-NCOV)** in Kemaman Port.*

Sekian, terima kasih.

*Thank you.*

**DATO' KHAIRUL ANUAR BIN ABDUL RAHMAN**  
Pengurus Besar / *General Manager*  
Lembaga Pelabuhan Kemaman / *Kemaman Port Authority*

**KEMASKINI KESIAPSIAGAAN BAGI MENGHADAPI POTENSI PENULARAN WABAK JANGKITAN 2019 NOVEL CORONAVIRUS (2019-NCOV) DI PELABUHAN KEMAMAN**

**LATEST UPDATE PREPAREDNESS FOR DEALING WITH POTENTIAL TRANSMISSION OF 2019 NOVEL CORONAVIRUS (2019-COV) IN KEMAMAN PORT**

- 1) Ejen perkapalan hendaklah membuat pemakluman pra ketibaan bagi kapal yang mempunyai rekod persinggahan **sepanjang 14 hari sebelum ketibaan** di 3 pelabuhan terakhir dari Negara China kepada Pegawai Perubatan Pelabuhan Kemaman sekurang kurangnya 48 jam sebelum ketibaan ke Pelabuhan Kemaman.
  - 2) Kapal berkenaan akan melalui proses saringan **di labuhan atau di dermaga** mengikut keperluan oleh Pegawai Perubatan **sebelum sebarang operasi di dermaga dilaksanakan**.
  - 3) Nakhoda dan kru kapal termasuk mereka yang telah disaring tidak dibenarkan turun daripada kapal tanpa kebenaran daripada Pegawai Perubatan semasa kapal berada di dermaga. Permohonan untuk tujuan ini hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Perubatan pada waktu pejabat.
  - 4) Nakhoda dan keseluruhan kru kapal tidak dibenarkan sama sekali turun daripada kapal ke fasiliti pelabuhan sekiranya ada diantara mereka mempunyai sejarah perjalanan dari / ataupun pemegang pasport yang dikeluarkan di Bandar Wuhan atau Wilayah Hubei, Wilayah Zhejiang, Wilayah Jiangsu, China **dan lain-lain daerah atau negara yang diisytiharkan oleh Kerajaan Malaysia dari masa ke semasa** melainkan atas sebab kecemasan **dengan kebenaran dan kawalan pihak berkuasa**.
  - 5) Semua pihak yang terlibat dengan aktiviti di pelabuhan disarankan mengikuti langkah-langkah penjagaan kesihatan yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 1) *Shipping agent shall advise pre-arrival of vessel having a record of the last 3 ports **within 14 days** from China to the Kemaman Port Medical Officer at least 48 hours before arrival to Kemaman Port.*
  - 2) *The vessel will undergo a screening process **at the anchorage or berth** by the Medical Officer **before allowed to do any operation at berth**.*
  - 3) *The master and crews of the vessel including those who have been screened are not allowed to disembark from the vessel without permission from the Medical Officer when the vessel is at berth. Application for this purpose shall be submitted to the Medical Officer during office hours.*
  - 4) *The master and crews of the vessel are strictly prohibited to disembark from the vessel to the port facility if any of them has a history of travel from / or possesses passport issued in Wuhan City or Hubei Province, Zhejiang Province, Jiangsu Province, China **and others city or country that will be announced by Malaysian Government except for emergency within the approval and control of the authorities**.*
  - 5) *All parties involved with port activities are encouraged to follow the health care measures recommended by the Ministry of Health Malaysia.*